

Lawatan sulung PM ke Jepun beri manfaat besar kepada negara

BH - 1/6/2022 W/L: 10

● Malaysia sedia meneruskan Dasar Pandang Ke Timur dengan membina program kerjasama baharu

● Malaysia-Jepun senada dalam penyelesaian isu senjata nuklear membabitkan Korea Utara

● Inisiatif 'Asia Zero Emissions Community' dicadangkan Jepun turut disokong Malaysia

Oleh Azmi Tarmizi
bhrencana@bh.com.my

Tahun 2022 adalah ulang tahun ke-65 hubungan diplomatik Malaysia-Jepun dan juga ulang tahun ke-40 Dasar Pandang ke Timur (DPT) dilaksanakan Malaysia.

Lebih unik lagi, ulang tahun hubungan diplomatik dan DPT Malaysia ini diraikan dengan lawatan kerja rasmi sulung Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob ke Jepun pada 23 Mei lalu, selepas memegang jawatan Perdana Menteri pada 21 Ogos 2021.

Lawatan kerja rasmi ini memper-

temukan Ismail Sabri dengan rakan sejawatannya, Perdana Menteri Jepun, Fumio Kishida serta menghadiri program bersama ketua industri dan wakil masyarakat perniagaan Jepun.

Pertemuan secara fizikal itu memberikan peluang kepada Malaysia dan Jepun berbincang mengenai inisiatif mengukuhkan lagi hubungan sedia ada antara dua negara serta kolaborasi pelbagai bidang, selain membolehkan kedua-dua pemimpin bertukar pandangan berhubung kepentingan ketenteraman antarabangsa dan kestabilan serantau.

Paling utama, dalam lawatan kerja itu, Perdana Menteri menghadiri Persidangan Antarabangsa Mengenai Masa Depan Asia yang turut dikenali sebagai Persidangan Nikkei.

Pada persidangan itu, Ismail Sabri mengusulkan tiga perkara utama untuk membolehkan Asia memainkan peranan dalam menerajui dunia yang berbilang pendirian iaitu memperkasa integrasi ekonomi serantau, mengukuhkan kerjasama dan mekanisme perundingan serta pemuafakatan dalam menangani cabaran perubahan iklim.

Lebih manis lagi, Perdana Menteri mengotakan iltizamnya apabila menyampaikan ucapan sepegunya dalam bahasa Melayu pada persidangan bertemakan 'Mentakrif Semula Peranan Asia Dalam Dunia Yang Berbilang Pendirian'.

Sebagaimana ucapan pada Persidangan Nikkei, Ismail Sabri turut mengadakan pertemuan dengan Kishida dan Perdana Menteri menggunakan bahasa Melayu dalam perbincangannya.

Perdana Menteri menyatakan penghargaan kepada Kishida atas sokongan dan bantuan Jepun dalam usaha pembangunan di Malaysia dalam konteks pelaksanaan DPT termasuk menyatakan kesediaan Malaysia meneruskan dasar itu dengan Jepun secara membina program kerjasama baharu seperti tenaga, bandar pintar, alam sekitar dan perubahan iklim.

Kishida turut menyambut baik cadangan supaya hubungan kedua-dua negara dinaikkan taraf ke peringkat yang lebih komprehensif.

Pada dasarnya, kedua-dua pemimpin bersetuju supaya perbincangan peringkat pegawai diadakan ba-

gi menyelaraskan dan menaik taraf hubungan dua negara seperti 'Comprehensive Strategic Partnership'.

Pada pertemuan itu juga, kedua-dua Perdana Menteri bersetuju pembukaan sempadan Malaysia pada 1 April lalu dan pembukaan sempadan Jepun kepada pengembara dari Malaysia bermula hari ini akan membantu pemulihan pasca COVID-19 dan perhubungan antara rakyat kedua-dua negara.

Mengenai hasrat Jepun mahu menubuhkan kampus cawangan institusi pengajian tinggi (IPT) di Malaysia iaitu Universiti Tsukuba, Perdana Menteri memberi jaminan proses penubuhan kampus itu akan dimuktamadkan dalam masa terdekat.

Ismail Sabri turut menyokong inisiatif penubuhan 'Asia Zero Emissions Community' yang dicadangkan Kishida, di samping bersetuju supaya kerjasama bidang ekonomi perdagangan dan pelaburan dipertingkatkan termasuk meneroka kerjasama dalam bidang baharu seperti industri termaju, penerbangan dan angkasa, bandar pintar, bekalan tenaga, dan perubahan iklim.

“Kedua-dua pemimpin bersetuju supaya perbincangan peringkat pegawai diadakan bagi menyelaraskan dan menaik taraf hubungan dua negara seperti 'Comprehensive Strategic Partnership'”

Kedua-dua pemimpin turut senada dalam perkembangan di Myanmar, termasuk keperluan Malaysia dan Jepun meneruskan kerjasama mencari penyelesaian terbaik situasi di negara berkenaan sama ada menerusi kerjasama dua hala atau kerjasama dalam kerangka ASEAN.

Berhubung konflik Russia-Ukraine, Kishida menyatakan beliau faham pendirian ASEAN dan Malaysia terhadap konflik ini dan Ismail Sabri mengambil peluang menjelaskan pendirian Malaysia sangat gusar dan membayangkan kesan konflik itu.

Perdana Menteri dengan tegas menyatakan Malaysia tidak menyokong sebarang pelanggaran prinsip fundamental seperti kedaulatan dan keutuhan wilayah setiap negara dan undang-undang antarabangsa.

Dalam konteks ini Malaysia menyokong resolusi diluluskan Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan Majlis Hak Asasi Manusia PBB.

Perdana Menteri juga menekankan pentingnya konflik ini diselesaikan secara damai antara pihak terbabit sambil memberi harapan negara maju termasuk Jepun boleh memainkan peranan ke arah mencapai objektif itu.

Berhubung isu Korea Utara, kedua-dua pemimpin bersependapat keutamaan perlu ditekankan ialah pematuhan penuh kepada resolusi Majlis Keselamatan PBB, penghapusan program senjata nuklear dan penyelesaian kepada isu penculikan rakyat asing, termasuk rakyat Jepun.

Perdana Menteri dan Kishida turut membincangkan isu berkaitan Laut China Selatan dan keperluan untuk semua pihak memastikan supaya lautan itu terus menjadi kawasan aman dan bebas daripada ancaman.

Dalam mengendalikannya isu Laut China Selatan yang kompleks dan membabitkan hubungan antara negara, Malaysia berpendirian semua negara berkaitan perlu kekal komited mengekalkan samudera itu sebagai perairan aman dan stabil.

Perdana Menteri menyatakan Malaysia tidak akan berkompromi terhadap sebarang ancaman kepada kedaulatan dan keutuhan wilayah Malaysia di Laut China Selatan.

Dalam isu ekonomi, Ismail Sabri dan Kishida bersetuju memperkukuhkan ekonomi dan hubungan dua hala antara Malaysia dan Jepun.

Ini termasuk dalam konteks kerjasama ekonomi serantau seperti Kerangka Kerja Ekonomi Indo-Pasifik (IPEF), Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) serta Perjanjian Komprehensif dan Progresif Bagi Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP).

Perdana Menteri turut mencadangkan isu serantau dan antarabangsa dibincangkan secara terperinci dalam rangka Sidang Kemuncak Khas ASEAN-Jepun pada tahun hadapan.

Kerjasama Malaysia-Jepun dalam bidang ekonomi sangat menggalakkan, apatah lagi Jepun adalah rakan dagang keempat terbesar Malaysia sejak tahun 2015.

Nilai dagangan pada 2021 berjumlah AS\$35.9 bilion, berbanding AS\$29.6 bilion pada 2020 (meningkat sebanyak 20 peratus). Jepun juga pelabur ketiga terbesar di Malaysia dalam kategori jumlah projek sektor pembuatan.

Nilai pelaburan dari 1980 hingga 2021 sebanyak AS\$27.6 bilion (2,709 projek sektor pembuatan dilaksanakan). Pada 2021, sebanyak AS\$1.81 bilion jumlah pelaburan dicatatkan (membabitkan 25 projek sektor pembuatan diluluskan).

Lawatan kerja rasmi di Jepun ini diharap merencanakan kembali sektor ekonomi dan membuka lebih banyak peluang baharu dalam semua sektor serta bakal memanfaatkan Keluarga Malaysia.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH



Setiausaha Akhbar 1 kepada Perdana Menteri